

Tel. : 088-369965/369971.

Faks: 088-211016/422113



PEJABAT  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
Jabatan Ketua Menteri  
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)  
Aras 28, Blok A,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU  
Sabah, Malaysia

Rujukan : JKM.100-4/62

Tarikh : 27 April 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PELANJUTAN TEMPOH ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN  
DILANJUTKAN SEHINGGA 12 MEI 2020**

Dengan hormatnya, saya merujuk Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 23 April 2020 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan hingga 12 Mei 2020 bagi membendung penularan COVID-19 di Malaysia sejak 18 Mac 2020. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/Tuan/Puan dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut :-

**2.1. Penjawat Awam Negeri**

- (a) Surat arahan bekerja dari rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan premis kerajaan yang dikeluarkan melalui JKM.100-4/62 bertarikh 17 Mac 2020 masih berkuatkuasa **sehingga 12 Mei 2020**.
- (b) Sila keluarkan **surat arahan pelanjutan** kepada mana-mana penjawat awam yang dikehendaki bertugas di pejabat atau di lapangan dengan mengemukakan sesalinan ke pejabat ini. Penjawat awam tersebut hendaklah sentiasa membawa surat arahan pelanjutan bertugas.

Rujukan : JKM.100-4/62  
Tarikh : 27 April 2020

---

## 2.2 Pelaksanaan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

- (a) Semua arahan yang telah diberikan dan telah dikeluarkan sebelum ini melalui surat atau Kenyataan Media oleh Kerajaan Negeri Sabah **dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020.**
  - (b) Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan yang ada menyatakan tempoh kuatkuasa sehingga 28 April 2020 hendaklah dikeluarkan arahan tambahan dengan melanjutkan tempoh kuatkuasa sehingga 12 Mei 2020.
3. Sehubungan dengan itu, sila pastikan perkara ini dipatuhi untuk memastikan penularan semula wabak COVID-19 dapat dibendung dan tiada kes positif COVID-19 baharu berlaku di Negeri Sabah.
4. Arahan ini berkuatkuasa dengan **SERTA-MERTA.**

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**



**( DATUK HAJI SAFAR BIN UNTONG )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri